

Razif janji pikul amanah

Kuala Terengganu: Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman berjanji untuk memikul tanggungjawab yang diamanahkan sebaik mungkin dan meneruskan kesinambungan yang dilaksanakan Datuk Seri Ahmad Said sebelum ini.

Beliau juga merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahmad yang banyak membimbingnya sebelum ini dan segala pengalaman bersama bekas Menteri Besar itu akan dimanfaatkannya.

Ketua Umno Bahagian Kuala Nerus itu juga akan berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi melaksanakan peranca-

ngan pembangunan untuk masa depan rakyat negeri itu.

Ketika ditemui malam tadi, Ahmad Razif juga melahirkan rasa terharu dengan pelantikannya sebagai Menteri Besar Terengganu yang baharu dan sama sekali tidak menyangka dilantik menggantikan Ahmad.

“Pertama sekali, saya terima amanah yang dipertanggungjawabkan kepada saya dengan sebaik-baiknya dan keduanya insya-Allah segala perkara, perancangan dan pelaksanaan program untuk kebajikan rakyat akan kita teruskan,” katanya selepas menerima watakah pelantikan dan mengangkat sumpah di

Singgahsana Balai Rong Seri, Istana Syarqiyyah, Chendering, malam tadi.

Bagaimanapun, Istiadat Perisytiharan Pelantikan dan Lafaz Sumpah Jawatan itu tidak dihadiri enam daripada 17 ADUN Barisan Nasional (BN), termasuk Ahmad.

Lima lagi yang tidak hadir ialah Ghazali Taib (Ajil), Mahdi Musa (Kota Putera), Rosli Othman (Kemasik), A Latiff Awang (Pengkalan Berangan) dan Roslee Daud (Bukit Besi).



Profil Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman

🕒 **Tarikh Lahir:**

7 November 1965

🕒 **Tempat Lahir:** Seberang Takir, Terengganu

🕒 **Isteri:** Toh Puan Halina Zakaria

🕒 **Jawatan:** ADUN Seberang Takir dan Pengerusi Jawatankuasa Sains & Teknologi, Alam Sekitar, Teknologi Hijau Dan Air negeri. Ketua UMNO bahagian Kuala Nerus.

🕒 **Pendidikan:** Sijil Perguruan Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor dan Ijazah Sarjana Pengajian Kaunseling dan Psikologi Universiti Putra Malaysia (UPM).

🕒 **Kerjaya:** Kaunselor Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

📖 **Ulasan politik Terengganu di muka 28**

Kronologi peletakan jawatan Datuk Seri Ahmad Said

🕒 **5 Mei 2013** - Sejurus keputusan PRU-13 diumumkan, berlaku kekecohan berikutan Ahmad dikatakan tidak dilantik semula sebagai Menteri Besar menyebabkan majlis mengangkat sumpah ADUN dan penubuhan kerajaan negeri tertangguh sehingga 11 Mei 2013.

🕒 **7 Mei 2013** - Ahmad Said menyenaraikan pelantikan Ahli

Majlis Mesyuarat Negeri dan pembentukan kerajaan negeri.

🕒 **11 Mei 2013** - Ahmad mengangkat sumpah jawatan Menteri Besar Terengganu ke-13 di Istana Maziah. Khabar angin mengatakan hasil perbincangan dan rundingan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, beliau diberikan tempoh setahun menerajui Terengganu.

🕒 **22 April 2014** - Spekulasi

tersebar mengenai Ahmad akan digantikan. Sebuah akhbar berbahasa Inggeris menyiarkan laporan pelantikan Menteri Besar baharu pada 11 Mei, iaitu genap setahun Ahmad menjadi Menteri Besar. Ahmad menafikan khabar angin dan menyifatkannya sebagai perkara biasa yang dihebohkan di dalam media sosial.